

Dadah: Tiada tolak ansur

BH 2 JUL 1986

KUALA LUMPUR, Selasa — Polis mengesan dan menumpaskan 77 kumpulan pengedar dadah, termasuk satu kumpulan antarabangsa yang dipercayai menjadi pembekal kepada kira-kira 20 kumpulan yang bergiat cergas di negara ini tahun ini.

Serentak itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengulangi amaran bahawa kerajaan tidak teragak-agak bertindak tegas ke atas sesiapa sahaja yang menjadikan Malaysia saluran pengedaran dadah.

Perdana Menteri, dilaporkan berkata demikian ketika memengerusikan buat kali pertama mesyuarat Jawatankuasa Anti-Dadah, Majlis Keselamatan Negara, di sini hari ini.

Pengarah Pasukan Petugas Antidadah MKN, Encik Khairuddin Ibrahim, memberitahu wartawan selepas mesyuarat itu, bahawa Datuk Seri Dr Mahathir memandang berat masalah itu kerana masih ramai rakyat negara ini yang terbabit dengan dadah.

Perdana Menteri mengarahkan agensi-agensi yang terbabit dengan pembantgras penyalahgunaan dadah, terutama polis dan kastam, memberi perhatian berat kepada penguatkuasaan undang-

undang dadah kerana masalah dadah masih berterusan.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahahir yang juga Menteri Dalam Negeri, mengulangi amarannya bahawa kerajaan akan terus melaksanakan apa jua langkah yang dirasakan perlu bagi menghalang kumpulan-kumpulan dadah menggunakan Malaysia sebagai pusat pengedaran dan penyaluran dadah.

Perdana Menteri meminta agensi-agensi itu memikirkan satu pendekatan berkesan bagi menjadikan dadah sesuatu yang dipandang hina dan jijik oleh setiap anggota masyarakat.

Berkesan

Encik Khairuddin berkata, Jabatan Kastam akan meningkatkan lagi usaha pembanterasan, termasuk mengemaskinikan kaedah perisikan bagi mengesan kemasukan dadah menerusi pintu-pintu masuk darat, laut dan udara serta melalui pos.

Menurutnya, 13 pegawai kastam kini sedang mengikuti kursus pengendalian anjing pengesan dadah di England, manakala 15 lagi

akan dihantar tahun depan. Kursus itu dibiayai oleh Kerajaan Amerika Syarikat.

Menurutnya, jabatan itu akan mempunyai 50 ekor anjing pengesan dadah tahun depan, berbanding 20 ekor setakat ini.

Encik Khairuddin berkata, kumpulan dadah antarabangsa yang dianggotai oleh rakyat Thai yang ditangkap itu berjaya ditumpaskan Februari lalu. Rakyat Thai yang ditangkap itu percayal pembekal utama. Beberapa kumpulan penyeludup dadah juga didapati memiliki senjata api dan diketuai oleh mereka yang berumur di bawah 30 tahun.

Katanya, dalam tempoh lima bulan pertama tahun ini, 3,875 orang ditangkap mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952, manakala 225 orang lagi ditangkap mengikut Ordinan Darurat dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Percegahan Khas) 1985.

Dalam tempoh yang sama, 305.248 kilogram dadah juga dirampas. Daripada jumlah itu, 37.715 kilogram adalah rosin, 263.755 kilogram caye mentah dan 3.778 kilogram dak masak.